

LATIHAN PENGUKUHAN TATABAHASA

1. Berdasarkan ayat-ayat dibawah, bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

i. *Datuk Siti Nurhaliza* penghibur nombor satu negara.

ii. Pada cuti akhir tahun ini, *mereka akan melancong ke Jepun*.

iii. *Facebook* ialah laman sosial yang paling terkenal dewasa ini.

iv. Persembahan amal itu akan dilangsungkan di *Stadium Merdeka*.

v. Pendaki yang sesat itu berjaya keluar dari hutan *dengan bantuan orang Asli*.

vi. Projek itu ditangguhkan oleh sebab *tidak memperoleh kelulusan daripada pihak berkuasa*.

2. Tentukan jenis-jenis ayat perintah di bawah ini sama ada ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan atau ayat permintaan.

- i. Makanlah nasi itu sehingga habis. _____
- ii. Usah dikenang kisah duka itu lagi. _____
- iii. Janganlah tidur ketika guru mengajar. _____
- iv. Tolong hantarkan buku latihan itu ke bilik pengetua. _____
- v. Sila duduk sebentar, saya sedang menyusun fail ini. _____
- vi. Minta kamu semua mengambil tempat duduk masing-masing. _____

3. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Hang Tuah dikatakan tokoh lagenda kerana kisahnya hanya dapat dibaca berterusan naskhah-naskhah sastera lama.
Kesalahan ejaan: _____
Kesalahan imbuhan: _____
- ii. Ramai petani mengambil manafaat pinjaman bank untuk membeli peralatan moden bagi tingkatan hasil pertanian.
Kesalahan ejaan: _____
Kesalahan imbuhan: _____
- iii. Naim senyuman gembira apabila diberitahu bahawa dia terpilih sebagai murid bistari di sekolahnya.
Kesalahan ejaan: _____
Kesalahan imbuhan: _____

4. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

i. Ezad lupa janji-janjinya kepada ibunya untuk mengubah perangai selepas keluar dari kurungan.

ii.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

iii. Saya sungguh gawat setiap kali melalui jambatan gantung yang teramat tinggi sekali itu.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

iv. Pembunuh kanak-kanak itu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh Juri Mahkamah Tinggi.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

5. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Sejarah Malaysia dimulakan dengan adanya sistem kesultanan yang membentuk peradapan Melayu gemilang.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

2. Faktor geografi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak menimbulkan persepsi yang perbezaan daripada rakyat.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

3. Kedua-dua orang pelancong itu hampir menggelincir ke dalam longkang ketika asyik mengambil gambar keretapi lama di luar muzium itu.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

4. Jamuan bersara pengetua akan diadakan pada waktu tengahari di kafeteria sekolah.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

5. Penanaman nenas secara besar-besaran memberikan pendapatan yang lumayan kepada pengusaha yang berani menceburkan bidang pertanian komersial.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

6. Abang berhasrat untuk pulang ke kampung ibu mertuanya kerana ingin berusaha penternakan ikan air tawar.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

7. Iklan television yang berkaitan dengan makanan ringan berjaya dipengaruhi kanak-kanak sehingga menjejaskan kesihatan mereka.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

8. Tuan Majid yang pemurah itu membeli pekerja-pekerjanya mee goreng pada petang itu.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

6. Tukar ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

i. Ruang tamu ini mesti kita kemaskan sebelum ibu pulang dari pasar.

ii. Kertas kerja itu akan saya bentangkan dalam mesyuarat pada pagi esok.

iii. Botol dan tin kosong di belakang rumah itu abang kumpulkan untuk dijual.

iv. Istana Seri Menanti dibina oleh rakyat dalam masa tujuh tahun.

v. Tugas berat ini akan kami pikul dengan penuh rasa tanggungjawab.

vi. Mangsa kemalangan itu telah dihantar oleh penduduk kampung ke hospital

7. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Sikapnya yang keras itu meninggalkan kesan yang buruk pada adiknya.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

2. Dato Siti Nurhaliza merancang untuk mengadakan mini konsert pada tahun hadapan dengan menjemput beberapa orang artis dari Korea.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

3. Semburan bunga api itu kelihatan sungguh indah di malam sambutan Hari Kemerdekaan negara yang diadakan di Dataran Merdeka.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

4. Pelbagai usaha-usaha telah dilakukan oleh pihak polis untuk mengenal pasti pengenalan mangsa pembunuhan itu.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

5. Banyak isu-isu semasa yang menjadi bahan pertengkaran masyarakat semasa mereka berkumpul dalam sesuatu majlis.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

6. Kerusi yang diperbuat dari rotan itu menjadi tempat beristirahat datuk pada waktu petang sambil melihat televisyen.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

7. Sekumpulan penari-penari yang mendendangkan tarian tradisional itu mendapat tepukan yang gemuruh daripada para penonton.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____

8. Sebahagian besar kes-kes pengedaran minyak masak ke negara jiran dapat diatasi dengan kerjasama antara penduduk tempatan dengan pihak berkuasa.

Kesalahan kata atau istilah: _____

Kesalahan tatabahasa: _____